

PKNS rangka pelan hala tuju 2030

Semua pihak diajak beri pandangan mantapkan wawasan

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
bhbiz@bh.com.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedang merangka pelan hala tuju bagi rancangan wawasan 2030 untuk memastikan agensi itu mampu muncul sebagai organisasi bertaraf dunia pada masa akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas, berkata setelah hampir 58 tahun PKNS ditubuhkan, agensi itu perlu bergerak ke hadapan agar lebih berjaya daripada syarikat konglomerat Malaysia lain serta mampu memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negeri.



Amirudin (duduk tengah) diiringi Mahmud (duduk empat dari kanan) bersama penerima anugerah pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang PKNS 2022 di Pusat Kovensyen Shah Alam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

“Dalam wawasan 2030 yang akan dan sedang dikupas, kami akan fikirkan apa yang mahu dicapai pada 2030, apa yang perlu dibuat serta projek apa yang perlu dilakukan untuk kepentingan rakyat.

“Ini semua akan dikupas dan saya berharap semua pihak boleh memberi pandangan untuk wawasan 2030 ini,” katanya keti-

ka berucap sempena majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) PKNS 2021 di Shah Alam, malam kelmarin.

Seramai 75 kakitangan PKNS menerima APC 2021 yang disampaikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bagi menghargai komitmen dan jasa disumbangkan kakitangan sepanjang tahun lalu.

Sementara itu, Amirudin dalam ucapannya berkata, beliau bangga dengan prestasi PKNS yang telah berkembang daripada sebuah institusi yang ingin membangunkan komuniti dan masyarakat di Selangor, kini telah melebarkan sayap dalam pelbagai sektor serta jujuk perniagaan.

“Dari industri tenaga, pem-

buatan hingga perkhidmatan, PKNS tidak ketinggalan meneruskan usaha pembangunan bandar serta perumahan kepada masyarakat,” katanya.

Pada masa sama, Amirudin mahu PKNS mengekalkan peranan sedia ada, selain meningkatkan status dan kualiti demi kemajuan masa depan.

BERNAMA